

# penyata tadbir urus korporat

Lembaga Pengarah MNRB Holdings Berhad (MNRB) komited untuk mengekalkan tahap tadbir urus korporat yang tinggi dan berusaha untuk terus meningkatkan keberkesanan aplikasi prinsip serta amalan terbaik seperti yang digariskan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kaji Semula 2007), peruntukan Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Syarat-Syarat Penyenaraian) dan Buku Hijau yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (Buku Hijau).

Dasar MNRB adalah untuk melaksanakan kesemua prinsip dan amalan terbaik ini demi mengekalkan dan memperkasakan tahap kewibawaan perniagaan yang tinggi dalam semua aktiviti yang diceburi Kumpulan. Ini meliputi komitmen untuk mengikuti contoh-contoh terbaik industri dan mematuhi garis panduan dan saranan dalam pengendalian aktiviti perniagaan Kumpulan.

Berikut dibentangkan cara bagaimana MNRB telah menggunakan prinsip Kod ini dan sejauh mana ia telah berusaha untuk mematuhi Amalan Terbaik seperti yang digariskan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat, Syarat-Syarat Penyenaraian dan Buku Hijau sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2008.

## Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MNRB bertanggungjawab untuk mengawal selia sumber Kumpulan, pencapaian objektif Kumpulan serta menjadi warga korporat yang baik. Ia melunaskan tanggungjawab ini dengan mematuhi sepenuhnya semua Akta dan Peraturan yang berkenaan, termasuk menerima pakai Prinsip-Prinsip dan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat, Syarat-Syarat Penyenaraian dan Buku Hijau.

Lembaga Pengarah akan terus memainkan peranan sepenuhnya dan secara berkesan dalam hal ehwal Kumpulan. Ini termasuk tanggungjawab menentukan perkembangan serta hala tuju strategik

Kumpulan secara keseluruhan. Hal-ehwal penting, seperti kelulusan hasil suku tahun dan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan penting, perbelanjaan modal yang besar, belanjawan, rancangan korporat dan perancangan penggantian jawatan pengurusan tertinggi adalah dikhaskan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah atau jawatankuasa yang dilantik untuk mengendalikan hal ehwal ini.

Lembaga Pengarah dianggotai oleh ahli-ahlinya yang mempunyai pengalaman kerja yang luas dalam bidang-bidang berkaitan seperti insurans dan insurans semula, perakaunan, undang-undang, ekonomi, pelaburan, perniagaan antarabangsa, perbankan dan operasi perniagaan. Oleh itu, semua Pengarah mempunyai pengalaman yang diperlukan untuk melaksanakan pertimbangan ke atas isu-isu mengenai strategi, prestasi, sumber-sumber dan piawai etika.

## Komposisi Lembaga Pengarah

Di bawah Tataurus Pertubuhan Syarikat, bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang atau tidak lebih daripada sepuluh (10) orang.

Lembaga kini terdiri daripada lapan (8) orang ahli. Tujuh (7) daripada mereka adalah Pengarah Bukan Eksekutif termasuk Pengerusi, dan empat (4) daripada mereka adalah pengarah bebas. Tiada individu atau sekumpulan individu mendominasi proses membuat keputusan Lembaga untuk membolehkan

pertimbangan yang seimbang dan berobjektif terhadap sebarang isu, justeru, memudahkan proses membuat keputusan yang optimum. Berdasarkan Komposisi ini, Syarikat telah mematuhi Perenggan 15.02 Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) yang memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) orang pengarah atau 1/3 daripada Lembaga Pengarah, mengikut mana yang lebih ramai, agar terdiri daripada pengarah bebas.

Mesyuarat Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Pengerusi Bukan Eksekutif dengan peranan yang dasingkan secara jelas daripada peranan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO). Pengerusi bertanggungjawab terutamanya untuk memastikan keberkesanan dan tatacara Lembaga manakala Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan akan memastikan supaya dasar dan keputusan Lembaga dilaksanakan dengan sewajarnya.

Sharkawi Alis ialah Pengerusi Bukan Eksekutif Lembaga Pengarah. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain adalah seperti berikut:

Anuar Mohd Hassan  
– *Presiden & CEO Kumpulan*  
(*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*)

P. Raveenderen  
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan*)

Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin  
(*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*)

Yusoff Yaacob  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Megat Dziauddin Megat Mahmud  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Paisol Ahmad  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Sejak Laporan Tahunan yang lepas, dua orang ahli Lembaga Pengarah telah meletakkan jawatan pada tahun kewangan ini, iaitu Mohammad Abdullah

(Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif) dan Azhar Abdul Wahab (Pengarah Bebas Bukan Eksekutif).

### Konflik Kepentingan

Para Pengarah dikehendaki mengisytiharkan pegangan saham masing-masing dalam Syarikat dan syarikat berkaitan yang lain, serta kepentingan mereka dalam mana-mana kontrak dengan Syarikat atau mana-mana syarikatnya yang berkaitan. Para pengarah juga dikehendaki mengisytiharkan jawatan pengarah mereka dalam syarikat lain. Dengan yang demikian, Pengarah

yang berkenaan tidak akan melibatkan diri dalam sebarang perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkaitan dengan urusan niaga dengan syarikat tersebut.

### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan sekurang-kurangnya enam (6) kali setahun, selain Mesyuarat Agung Tahunan. Sebanyak tujuh (7) mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan bagi tahun berakhir 31 Mac 2008.

Butiran mengenai kehadiran para Pengarah Syarikat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

| Nama Pengarah                              | Bilangan Mesyuarat yang dihadiri |
|--|----------------------------------|
| Mohammad Abdullah #                        | 3/3                              |
| Sharkawi Alis                              | 7/7                              |
| Anuar Mohd Hassan                          | 7/7                              |
| P. Raveenderen                             | 7/7                              |
| Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin | 7/7                              |
| Yusoff Yaacob                              | 7/7                              |
| Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor          | 7/7                              |
| Azhar Abdul Wahab ##                       | 5/6                              |
| Megat Dziauddin Megat Mahmud               | 7/7                              |
| Paisol Ahmad ###                           | -                                |

# Sehingga tarikh peletakan jawatan beliau pada 3 September 2007

## Sehingga tarikh peletakan jawatan beliau pada 18 Februari 2008

### Dilantik pada 11 April 2008

Pada setiap mesyuarat yang dijadualkan, terdapat laporan yang merangkumi enam (6) elemen tanggungjawab Lembaga Pengarah di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, antaranya:

- i) Mengkaji/menerima pakai rancangan strategik dan perniagaan
- ii) Mengawasi tatacara perniagaan Kumpulan
- iii) Pematuhan dan pengurusan risiko
- iv) Perancangan penggantian
- v) Dasar hubungan dan komunikasi pelabur
- vi) Sistem Kawalan Dalaman

Kajian dan perbincangan kewangan dan perniagaan berkaitan prestasi suku tahunan, termasuk prestasi operasi sehingga ke tarikh mesyuarat berbanding belanjawan dan rancangan perniagaan bagi tahun tersebut yang telah diluluskan terlebih awal oleh Lembaga Pengarah, juga telah dilakukan.

### Pemilihan Semula Pengarah

Selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat, 1/3 daripada Pengarah pada masa ini atau jika bilangannya bukan dalam gandaan tiga (3), maka bilangan yang paling hampir dengan 1/3, akan bersara daripada jawatan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan ('AGM'). Semua Pengarah yang bersara boleh menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah dalam tempoh kewangan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan juga dikehendaki melalui pemilihan semula oleh pemegang saham pada peluang pertama selepas perantukan mereka.

Tiga (3) Pengarah akan dilantik semula pada AGM ke-35. Maklumat berkaitan para Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula dibentangkan dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

### Bekalan Maklumat

Bagi membolehkan mereka menyempurnakan tugas, Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa sekatan terhadap semua maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal dan urusan perniagaan Kumpulan, sama ada sebagai Lembaga Pengarah penuh, mahu pun dalam kapasiti mereka secara individu.

Sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah, setiap pengarah akan menerima notis mesyuarat, agenda dan kertas-kertas Lembaga Pengarah. Masa yang mencukupi diberikan kepada para Pengarah untuk membolehkan mereka mendapat penerangan lanjut, sekiranya perlu, supaya mesyuarat tersebut akan disertai oleh kesemua pengarah dengan sebaiknya.

Kertas Lembaga Pengarah mengandungi sekurang-kurangnya perkara berikut:

- Minit-minit mesyuarat terdahulu dan mesyuarat-mesyuarat bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Laporan mengenai prestasi syarikat subsidiari
- Laporan Kewangan
- Laporan Audit Dalaman
- Laporan Pematuhan

Selain itu, terdapat juga perkara yang dikhaskan untuk keputusan Lembaga, termasuk kelulusan rancangan perniagaan dan belanjawan tahunan, pengambilalihan dan penjualan aset penting, keputusan kewangan utama serta dasar dan prosedur penting.

Garis panduan yang wajar telah diberikan oleh pihak Lembaga Pengarah berhubung isi kandungan, gaya pembentangan dan penghantaran kertas kepada Lembaga Pengarah bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memastikan para Pengarah mempunyai maklumat yang mencukupi.

Kesemua Pengarah mempunyai akses langsung kepada ahli kumpulan Pengurusan Kanan dan khidmat Setiausaha Syarikat yang bertanggungjawab bagi memastikan prosedur-prosedur Lembaga Pengarah sentiasa dipatuhi. Para Pengarah boleh, jika perlu, mendapatkan khidmat nasihat bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

Sepanjang tempoh mereka memegang jawatan, para Pengarah dikemaskini mengenai perniagaan Kumpulan, persekitaran persaingan dan peraturan di mana ia beroperasi serta perubahan-perubahan lain melalui penerangan bertulis dan mesyuarat dengan para eksekutif kanan.

### Latihan Pengarah

Kumpulan mengakui bahawa pembelajaran yang berterusan adalah penting untuk membolehkan ahli-ahli Lembaga Pengarah memahami kemaskini penguatkuasaan peraturan dan kajian pengurusan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik.

Kesemua Pengarah baru perlu melalui program induksi. Dalam program ini, mereka akan diberi maklumat mengenai peranan Lembaga Pengarah, kuasa yang telah diamanahkan kepada pengurusan kanan Syarikat dan jawatankuasa pengurusan serta maklumat kewangan terkini mengenai Kumpulan. Semua ini dilaksanakan untuk membolehkan mereka menyumbang secara berkesan dari peringkat awal perantukan mereka. Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori selaras dengan Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.

Dengan pemansuhan Nota Amalan 15 berhubung Program Pendidikan Berterusan oleh Bursa Malaysia, tanggungjawab memenuhi keperluan latihan para Pengarah kini digalas oleh Lembaga Pengarah.

Pada tahun ini, para Pengarah telah menghadiri pelbagai seminar dan program dalam pelbagai bidang yang dapat membantu mereka melaksanakan tugas. Berikut adalah antara program dan seminar yang telah dihadiri oleh ahli Lembaga Pengarah pada tahun kewangan ini:

- i) Seminar mengenai Pencegahan Perubahan Wang Haram
- ii) Latihan Lembaga dan kakitangan Pengurusan Kanan berhubung Kumpulan MNRB – Rizab Aktuari : Satu Pendekatan Profesional Terhadap Ketidakpastian
- iii) Seminar mengenai Liabiliti Insurans para Pengarah dan Pegawai
- iv) Persidangan Jawatankuasa Audit Ke-5
- v) Seminar Modal Berasaskan Risiko bagi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif
- vi) Mempertingkatkan Prestasi, Kepimpinan dan Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan
- vii) Memperkasakan Korporat Malaysia : Kesan Pindaan Akta Syarikat, 1965 berhubung GLC.

### Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah telah mengagihkan beberapa tanggungjawab tertentu kepada enam (6) jawatankuasa pengarah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Audit
- ii) Jawatankuasa Pemilihan
- iii) Jawatankuasa Imbuhan
- iv) Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- v) Jawatankuasa Pelaburan
- vi) Jawatankuasa Opsyen Saham

Semua Jawatankuasa ini mempunyai bidang tugas masing-masing yang mentakrif dengan jelas tugas dan kewajipan mereka dalam membantu dan menyokong Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun, tanggungjawab muktamad untuk membuat keputusan akhir masih terletak pada keseluruhan ahli Lembaga Pengarah.

### 1. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada tiga (3) orang ahli yang mana majoriti daripada mereka adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Salah seorang daripada ahli Jawatankuasa ini merupakan Akauntan Bertauliah dan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh P. Raveenderen, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan. Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain adalah:

- Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin  
*(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*
- Megat Dziauddin Megat Mahmud  
*(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*

Bidang tugas Jawatankuasa termasuk mengkaji dan membincang penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan, penemuan Juruaudit Luaran dan Dalaman, sebarang urusan niaga pihak berkaitan dan keadaan konflik kepentingan dalam Kumpulan, serta memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung perlantikan/ perlantikan semula Juruaudit Luaran.

Untuk menggalakkan pertukaran pandangan dan buah fikiran yang bebas dan jujur serta lebih meluas antara Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luaran, mesyuarat antara mereka diadakan sekurang-kurangnya dua kali setahun tanpa kehadiran ahli lembaga eksekutif dan Pasukan Pengurusan.

Tugas-tugas Jawatankuasa Audit seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit di muka surat 41 hingga 42 Laporan Tahunan ini merangkumi tugas-tugas utama sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 15.13 Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia.

Jawatankuasa bermesyuarat empat (4) kali sepanjang tahun kewangan ini.

### 2. Jawatankuasa Pemilihan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada empat (4) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan adalah Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin, seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Tiga (3) ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- Sharkawi Alis  
*(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*
- P. Raveendereen  
*(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan)*
- Paisol Ahmad  
*(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)*

Objektif utama Jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan prosedur rasmi dan telus yang didokumenkan bagi perlantikan para pengarah dan pegawai kanan penting serta untuk menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini juga mengkaji profil kemahiran dan ciri-ciri para Pengarah dari semasa ke semasa dan memastikan yang Lembaga Pengarah mempunyaiimbangan kepakaran serta kemampuan yang sewajarnya untuk melaksanakan tanggungjawab.

Jawatankuasa bermesyuarat lima (5) kali dalam tahun kewangan ini.

### 3. Jawatankuasa Imbuan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Imbuan yang terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif. Pengerusi jawatankuasa ini adalah Megat Dziauddin Megat Mahmud, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Dua (2) ahli lain Jawatankuasa ini adalah:

- Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Yusoff Yaacob  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif utama Jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan prosedur rasmi dan telus bagi membangunkan dasar imbuan untuk para pengarah dan pegawai kanan utama serta memastikan yang imbuan mereka berdaya saing dan seimbang dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengesyorkan rangka kerja imbuan, serta untuk mengesyorkan pakej imbuan khusus untuk para pengarah dan pegawai kanan penting.

Jawatankuasa imbuan bermesyuarat sebanyak lima (5) kali dalam tahun kewangan ini.

### 4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah percaya bahawa Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang berkesan adalah penting kepada Kumpulan dalam usahanya untuk mencapai objektif-objektif korporat, terutamanya untuk memastikan keuntungan yang berterusan dan peningkatan nilai pemegang saham dalam persekitaran pasaran yang pesat membangun.

Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa khusus yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (RMCB) untuk membangunkan dan mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko di seluruh syarikat. Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga (3) orang ahli dan dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- Yusoff Yaacob  
– Pengerusi  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- P. Raveenderen  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan)
- Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor  
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

RMCB bertanggungjawab untuk:

- i) Mengkaji dan mengesyorkan strategi-strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- ii) Mengkaji dan menilai kecukupan polisi pengurusan risiko dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengira, mengawasi, mengawal risiko-risiko serta juga tahap sehingga mana pengurusan ini berjalan secara berkesan;
- iii) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi tersedia bagi pengurusan risiko berkesan iaitu memastikan bahawa kakitangan yang bertanggungjawab

untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko melaksanakan tugas secara bebas daripada kegiatan mengambil risiko kumpulan; dan

- iv) Mengkaji laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko.

Jawatankuasa bermesyuarat lima (5) kali pada tahun kewangan ini.

### 5. Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan yang terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Eksekutif, mengkaji dan meneliti cadangan pelaburan strategik dan membuat keputusan untuk mengoptimumkan pulangan Kumpulan daripada aktiviti pelaburannya.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini adalah:

- Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor  
– Pengerusi  
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
- Anuar Mohd Hassan  
(Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)
- Megat Dziauddin Megat Mahmud  
(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif)
- Paisol Ahmad  
(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Jawatankuasa bermesyuarat empat (4) kali pada tahun kewangan ini.

## 6. Jawatankuasa Opsyen Saham

Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 22 Mei 2003, para pemegang saham telah meluluskan pembentukan Skim Opsyen Saham Kakitangan (Skim). Skim ini berkuatkuasa pada 25 Julai 2003 untuk tempoh selama lima (5) tahun.

Jawatankuasa Opsyen Saham ini ditubuhkan untuk mentadbir Skim dengan cara yang dianggap sesuai, termasuk kuasa dan kewajipan tertentu yang diamanahkan kepadanya di bawah Undang-Undang Kecil Skim tersebut.

Sejumlah 607,000 saham telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini.

Jawatankuasa Opsyen Saham terdiri daripada dua (2) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Ia dipengerusikan oleh Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor, seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Seorang (1) lagi ahli Jawatankuasa adalah Yusoff Yaacob, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

### Imbuan Para Pengarah

#### Dasar dan Prosedur Imbuan

Cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung pakej imbuan yang sesuai bagi para Pengarah untuk menarik, memotivasi dan mengekalkan para pengarah yang berkaliber dan berkualiti seperti yang diperlukan oleh Kumpulan, dilakukan oleh Jawatankuasa Imbuan.

Dasar Imbuan Kumpulan adalah untuk memberi ganjaran kompetitif dengan mengambil kira prestasi, perbandingan pasaran dan tekanan persaingan dalam industri. Walaupun ia bukan bertujuan untuk mengekalkan kedudukan pasaran tertentu, namun Jawatankuasa Imbuan mengambil kira peranan yang setara dalam organisasi yang mungkin serupa dari segi saiz, sektor pasaran atau kompleksiti perniagaan.

Kecuali Anuar Mohd Hassan, semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar dengan yuran Pengarah yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan diluluskan setiap tahun oleh para pemegang saham.

Imbuan bagi Anuar Mohd Hassan dibayar oleh anak syarikat milik penuh iaitu Malaysian Reinsurance Berhad, di mana beliau berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif sehingga 31 Mac 2008.

Bilangan Pengarah dengan jumlah imbuan termasuk dalam julat-julat berikut pada tahun kewangan ini adalah seperti di bawah:

| Imbuan Para Pengarah   | Yuran & Elaun | Gaji, Bonus & Lain-lain faedah | Jumlah   |
|------------------------|---------------|--------------------------------|----------|
| Sehingga ke RM50,000   | -             | -                              | -        |
| RM50,001 ke RM100,000  | 5             | -                              | 5        |
| RM101,001 ke RM150,000 | 3             | -                              | 3        |
| <b>Jumlah</b>          | <b>8</b>      | <b>-</b>                       | <b>8</b> |

## Pemegang Saham

### Perbincangan di antara Kumpulan, Pelabur dan Penganalisis

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam membangun dan melaksanakan program perhubungan pelabur, taklimat setengah tahun diadakan antara Kumpulan dengan penganalisis dan pelabur sejurus selepas keputusan setengah tahunan dan tahunan Kumpulan diumumkan kepada Bursa Malaysia.

Pembentangan berdasarkan pendedahan yang dibenarkan dilakukan untuk menerangkan prestasi dan program pembangunan utama Kumpulan. Walau bagaimanapun, maklumat harga sensitif mengenai Kumpulan, tidak didedahkan dalam taklimat ini sehingga selepas pengumuman yang telah ditetapkan kepada Bursa Malaysia dibuat.

MNRB juga mempunyai laman web yang boleh diakses oleh para pemegang saham dan orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai Kumpulan.

Selain itu, para pemegang saham dan orang ramai juga boleh menyampaikan kemusykilan dan pertanyaan kepada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan, P. Raveenderen di [praveenderen@hotmail.com](mailto:praveenderen@hotmail.com)

## Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum penting untuk berdialog dengan para pemegang saham. Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat biasanya dihadiri ramai pemegang saham kerana ia menyediakan akses langsung kepada Lembaga Pengarah serta peluang untuk mengambil bahagian secara berkesan dan mengundi.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan laporan tahunan dihantar kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat.

Di samping agenda biasa bagi Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah turut membentangkan laporan mengenai kemajuan dan prestasi Kumpulan dalam laporan tahunan dan memberi peluang kepada para pemegang saham untuk mengemukakan soalan berkaitan kegiatan perniagaan Kumpulan. Semua Pengarah bersedia untuk menjawab soalan daripada pemegang saham semasa mesyuarat tersebut.

Bagi perlantikan semula Pengarah, Lembaga Pengarah memastikan supaya maklumat lengkap dinyatakan dalam notis mesyuarat berhubung para Pengarah yang akan bersara dan bersedia untuk kembali berkhidmat sekiranya dipilih semula.

Butir-butir mengenai Urusan Khas yang dilampirkan bersama notis mesyuarat akan disertakan dengan penyata penjelasan dan/atau Surat Pekeliling kepada Pemegang Saham bagi memudahkan pemahaman dan penilaian penuh terhadap isu-isu yang berkaitan.

## Kebertanggungjawapan dan Audit

### Laporan Kewangan

Bagi laporan kewangan melalui laporan suku tahunan interim kepada Bursa Malaysia dan laporan tahunan kepada pemegang saham, para Pengarah bertanggungjawab untuk membentangkan penilaian yang saksama mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah meneliti maklumat yang akan didedahkan bagi memastikan ketepatan, kecukupan dan kesempurnaannya.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan rekod perakaunan disimpan dengan sebaiknya dan penyata kewangan Kumpulan disediakan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan dan diguna pakai di Malaysia. Penyata Para Pengarah menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 dibentangkan di muka surat 101 dalam Laporan Tahunan ini.

## Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

Maklumat mengenai kawalan dalaman Kumpulan dibentangkan dalam Penyata Kawalan Dalaman di muka surat 43 hingga 44. Penyata Pengurusan Risiko Kumpulan pula dibentangkan di muka surat 46 hingga 47 dalam Laporan Tahunan ini.

## Perhubungan dengan Juruaudit

Maklumat mengenai peranan Jawatankuasa Audit berhubung juruaudit luaran boleh didapati dalam Laporan Jawatankuasa Audit yang dibentangkan di muka surat 41 hingga 42. Kumpulan sentiasa mengekalkan perhubungan yang rapat dan telus dengan juruaudit dalam mendapatkan nasihat profesional dan memastikan pematuhan dengan piawaian perakaunan di Malaysia.

## Kebertanggungjawapan Pengurusan

Kumpulan mempunyai struktur organisasi yang menunjukkan semua garis laporan serta penerangan jawatan yang didokumenkan secara jelas untuk semua kakitangan Pengurusan dan Eksekutif. Penilaian prestasi formal juga dilaksanakan secara berkala.

Batasan kuasa, seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, telah diwujudkan dan ditetapkan dengan jelas dan disediakan kepada semua kakitangan.

Tiada Pengarah dan kakitangan Pengurusan Kanan Kumpulan mempunyai sebarang percanggahan kepentingan seperti yang dirujuk dalam Seksyen 54 dan 55, Akta Insurans 1996.

## Penyata Pematuhan terhadap Kod Amalan Terbaik

Kumpulan komited untuk mencapai piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan tahap kewibawaan dan piawaian etika tertinggi dalam semua urusan perniagaannya. Lembaga Pengarah menganggap bahawa ia telah mematuhi semua Prinsip dan Amalan Terbaik sebagaimana dibentangkan dalam Kod sepanjang tahun kewangan ini.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 30 Mei 2008.